

**FAQ PROGRAM AGROPRENEUR MUDA  
UNIT AGROPRENEUR MUDA**

**TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
1 HINGGA 14 JUN 2021**

**1) Adakah Permohonan Geran Agropreneur Muda masih dibuka?**

Permohonan Geran Agropreneur Muda masih terbuka sepanjang tahun.

**2) Adakah latihan/ kursus/ program galakan pasaran di dalam dan luar negara di bawah Program Agropreneur Muda diteruskan atau ditangguhkan buat masa ini?**

Semua latihan dan kursus secara fizikal di bawah Program Agropreneur Muda adalah ditangguhkan. Namun, semua latihan dan kursus yang dijalankan secara atas talian akan dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan.

**3) Bagaimanakah urusan serahan dokumen sebut harga oleh penerima geran bagi pelantikan pembekal dalam tempoh PKP 3.0?**

Semua urusan penyerahan dokumen sebut harga oleh penerima geran bagi pelantikan pembekal adalah dalam tempoh **90 hari** dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sebarang perubahan tertakluk kepada arahan pihak Kementerian dari semasa ke semasa.

**4) Bagaimanakah urusan penyerahan bekalan barangan/ perkhidmatan oleh pembekal yang dilantik kepada penerima geran dalam tempoh PKP 3.0?**

Proses penyerahan bekalan barangan/ perkhidmatan oleh pembekal yang dilantik dilanjutkan dari 45 hari kepada **90 hari** sepanjang tempoh PKP 3.0.

**5) Sekiranya pembekalan telah dilakukan, adakah pembayaran akan diproses mengikut tempoh seperti yang ditetapkan di dalam SOP atau ditangguhkan dahulu sebarang pembayaran?**

Proses pembayaran pembekalan akan dilakukan setelah semua barangan/ perkhidmatan telah dibekalkan kepada penerima geran dalam tempoh yang ditetapkan. Penyerahan tersebut perlu disahkan oleh agensi pembimbing dan penerima geran. Pihak UAM akan memproses pembayaran tersebut dalam tempoh **45 hari** setelah menerima semua dokumen pembayaran yang lengkap. Pembayaran dari pihak Agrobank akan diproses dalam tempoh **14 hari** selepas arahan pembayaran diterima oleh pihak Agrobank.

**6) Sekiranya saya ada persoalan berhubung Program Agropreneur Muda ini, siapakah saya perlu rujuk?**

Sekiranya pihak tuan/puan mempunyai sebarang persoalan berhubung program ini, tuan/puan boleh menghubungi kami melalui:

Emel : [uam.agropreneurmuda@gmail.com](mailto:uam.agropreneurmuda@gmail.com)

Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

Facebook : <https://www.facebook.com/AgroyouthMAFI/>

Twitter : @agroyouthmafi

Instagram : @agroyouthmafi